

SILIBUS RETORIK (BALAGHAH) IPTA& IPTS DI MALAYSIA: KAJIAN ANALISIS TEMATIK KANDUNGAN

Yuslina Binti Mohamedⁱ , Mohamed Bin Haji Ibrahimⁱ , Sulaiman Ismailⁱ , Nurhasma
Muhamad Saadⁱ, Wan Azura Wan Ahmadⁱ, Zulkipli Md Isaⁱ

(Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia .
email: yuslina@usim.edu.my

ⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Bahasa Utama,Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Subjek ilmu Balaghah atau Retorik merupakan satu subjek yang ditawarkan kepada pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Arab di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Walaubagaimanapun subjek Balaghah di peringkat Universiti ini tidak dapat menarik minat pelajar dan sukar melahirkan pelajar yang memahami dan menghayati keindahan bahasa Arab melalui retorik teks-teks sastera Arab. Dengan demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti bahan-bahan rujukan yang sedia ada yang telah digunakan di Institusi Pengajian Tinggi dengan menganalisis isi kandungan dan silibus buku teks Balaghah yang menjadi rujukan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Hal ini kerana setiap universiti telah menggunakan pelbagai buku rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran Balaghah. Kajian ini telah menganalisa data dengan menggunakan kaedah Analisis Tematik untuk menganalisis kandungan buku-buku rujukan subjek Balaghah yang digunakan di IPTA/S. Kajian ini mendapati bahawa buku-buku yang sedia ada ini tidak sesuai untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi, ini kerana kandungan ubahsuai tidak dapat mencapai ciri-ciri buku rujukan yang perlu memenuhi standard dan kualiti sumber pembelajaran utama dalam kuliah oleh guru dan pelajar

Kata kunci: *Buku Teks, Balaghah, Analisis Tematik, IPTA&IPTS.*

PENDAHULUAN

Pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab sudah lama bertapak di Malaysia sejak dari peringkat rendah sehinggalah ke peringkat tinggi. Di sini kita lihat bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang penting untuk mempelajarinya agar dapat memahami Al-Quran dengan baik. Justeru, Perkembangan ilmu Balaghah Arab juga berkembang seiring dengan perkembangan bahasa Arab, ini kerana ilmu Balaghah adalah salah satu asas penting yang terdapat dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab itu sendiri. (Mat Taib bin Pa, 2006) Ilmu balaghah atau retorik Arab merupakan salah satu komponen asas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab selepas ilmu nahu (tatabahasa) dan saraf (Morfologi) dan sebagainya. Ilmu balaghah juga merupakan elemen yang penting dalam proses penguasaan bahasa arab dengan baik, kerana belum sempurna ilmu bahasa Arab seseorang itu jika tidak

menguasai balaghah. (Raja Hazirah & et. Al, 2014) Oleh itu, terdapat banyak kepentingan yang boleh diperolehi dalam pembelajaran ilmu balaghah ini yang mana membolehkan pelajar menggunakan bahasa Arab dengan sempurna dan mampu menyatakan maksud yang dikehendaki. Sehubungan dengan itu, Ia mampu meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami makna karya-karya sastera dan unsur-unsur keindahan bahasa yang terdapat padanya. (al-Rikabi, 1996)

Ilmu ini mula berkembang di negara ini sejajar dengan perkembangan bahasa arab di Malaysia. Hal ini kerana kedudukannya ini sebagai komponen bahasa arab semakin kukuh dalam mata pelajaran bahasa Arab teras dan diterima dalam kurikulum kebangsaan oleh pelajar aliran agama sekolah sehingga ke peringkat universiti. (Azhar bin Muhammad, 2006) Antaranya, ialah seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan beberapa institusi pengajian tinggi swasta yang lain seperti di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). (Mohd Zulkhairi Abd Hamid, 2012) Balaghah ini amat penting kepada pelajar yang mana mereka dapat membezakan antara kalam yang baik dan sebaliknya hanya dengan mendalami ilmu balaghah. Secara asasnya, pelajar-pelajar pun telah didedahkan dengan ilmu balaghah ini semasa di sekolah menengah, sehinggalah ke peringkat universiti, jadi sewajarnya mereka tidak ada alasan untuk mereka tidak menguasai ilmu balaghah. (Raja Hazirah Raja Sulaiman, 2012)

Oleh itu, kebanyakan kajian mendapati bahawa pelajar masih lagi lemah dalam menguasai ilmu balaghah walaupun ia telah dipelajarinya sejak sekolah menengah, terutamanya kepada mereka yang mengikuti kursus ini di peringkat Universiti. (Raja Hazirah Raja Sulaiman, 2012) ia disebabkan oleh kandungan atau sukatan yang kurang bersesuaian dan ditambah pula proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan sehinggalah hilangnya minat pelajar terhadap subjek ini. (Rosni Samah & Marwan Ismail, 2009)

LATAR BELAKANG KAJIAN

Ilmu Balaghah adalah di antara ilmu yang masyhur dalam dunia ilmuan Islam terdahulu dan masa kini. Ilmu ini telah diasaskan oleh ahli-ahli sarjana Islam terdahulu dan telah diwarisi sehinggalah ke era ini. Di antara tokoh ilmuwan Islam yang menjadi pendukung kepada Ilmu Balaghah ini adalah Sheikh Abdul Qahira al-Jurjani dan Sheikh Al Zamakhsyari, melalui dua orang tokoh ini, maka ilmu Balaghah telah berkembang pesat sehingga menghasilkan satu pembahagian ilmu yang memudahkan pemahaman ilmuwan masa kini, iaitu Ilmu al-Maani, Ilmu al-Bayan dan Ilmu al-Badi'. (al- Sakkaki, 1991) Pada zaman kini yang serba maju dan penuh dengan pembaharuan, perkembangan ilmu Balaghah ini juga telah meluas sehingga ke peringkat sekolah, melihat kepada Negara Malaysia sendiri khususnya, Ilmu Balaghah ini telah dipelajari oleh para pelajar di peringkat sekolah menengah (as-thanawiah), daripada tingkatan 4 hingga ke tingkatan 6 iaitu selama 3 tahun.

Kitab Balaghah yang di pelajari di peringkat sekolah menengah telah diambil daripada silibus pembelajaran dan pengajarannya dari buku (Miftah Al-Balaghah) Maahad Buuth Islamiah di Kaherah Mesir. Kemudian ianya telah dikemaskini oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dari segi pengisiannya. Buku teks Balaghah digunapakai di peringkat sekolah menengah. Ini bermakna, buku teks mata pelajaran Balaghah STAM adalah buku teks Balaghah yang digunakan kepada pelajar Arab yang menguasai bahasa Arab dari segi kefahaman dan bahasa itu sendiri dari kecil lagi, bukan kepada pelajar bukan Arab yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Oleh itu, guru-guru Balaghah akan membekalkan nota rumusan kepada para pelajar untuk memudahkan kandungan dan bahasa yang digunakan dalam buku teks asal ia itu buku (Miftah Al-Balaghah). Ini bermakna buku teks yang diguna pakai kepada pelajar diketepikan dan kurang sesuai untuk pelajar Malaysia (Azhar bin Muhammad & et. al, 2006).

Selama enam tahun mengajar subjek Balaghah di peringkat universiti, para pelajar menghadapi masalah pemahaman subjek Balaghah kerana kelemahan pemahaman mereka tentang Ilmu Balaghah di peringkat awal, iaitu peringkat sekolah menengah sehinggalah ke peringkat Universiti. Ini menyebabkan pelajar tersebut terpaksa untuk diajar semula perkara asas-asas ilmu balaghah dan menyebabkan sukatan pelajaran di Universiti masih dibawah takuk yang sama dan ia masih tidak berkembang ke tahap yang sepatutnya (Raja Hazirah Raja Sulaiman, 2012).

Terdapat banyak kajian yang dilakukan oleh para sarjana berkenaan dengan penguasaan Ilmu balaghah di peringkat Universiti, Malaysia dimana mendapati bahawa penguasaan mereka terhadap subjek pada tahap yang kritikal berbanding dengan subjek bahasa arab yang lain. (Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman, 2002). Kemudian, kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Sohair Bakar (1999), mendapati bahawa penguasaan balaghah dikalangan pelajar amat rendah dan tidak diminat pelajar. Hal ini kerana, Rosni samah (2006) menyatakan bahawa pembelajaran mereka tertumpu pada hafalan contoh-contoh dan kaedah-kaedahnya semata-mata tanpa memberi penekanan terhadap unsur aplikasinya. Sehubungan dengan itu, pelajar masih belum dapat memahami teks bahasa Arab atau contoh lain daripada apa yang pernah dipelajari terutamanya pembelajaran ilmu Balaghah kerana ia agak sukar untuk difahami oleh mereka sehingga menyebabkan mereka kurang minat untuk mempelajarinya (Hausaimi Othman, 1999).

Jadi, perkara ini melibatkan dengan kandungan dan silibus yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di IPTA & IPTS. Menurut Azhar (2008) silibus atau kandungan Balaghah juga memainkan peranan penting untuk digunakan agar pelajar dapat memahami balaghah dengan sebaiknya. Bahan pengajaran merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kerana ia mengandungi fakta, maklumat dan tajuk-tajuk yang mampu menghuraikan dan memperincikan sukatan mata pelajaran dalam kurikulum (Rosni Samah et al, 2013).

Kebanyakan pendidik sering menghadapi masalah dalam pemilihan dan menyediakan bahan bacaan untuk pelajar kerana kurangnya pendedahan yang baik (Rini Dwi Susanti, 2014). Justeru itu, ia memerlukan satu inisiatif untuk mewujudkan penyelarasan sukatan pembelajaran Balaghah dengan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami. Hal ini kerana ia perlu dilihat tahap kebolehan membaca yang sesuai untuk pelajar dan menarik motivasi mereka untuk terus membaca dan meningkatkan kemahiran membaca dalam mempelajari ilmu balaghah ini. (Aisyah, 2014) Kebanyakan pelajar kurang yakin dengan kemahiran mereka untuk membaca buku teks balaghah kerana bahasa yang digunakan adalah sukar untuk memahami sehingga mereka menggunakan kaedah menghafal isi kandungan yang ringkas dimana disediakan oleh guru mereka semasa pengajaran dan pembelajaran dilakukan (Muhammad Saiful Anuar Yusoff & Wan Nazihah Wan Mohamed, 2020).

Kebanyakan Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di IPTA & IPTS kurang mengfokuskan kepada buku teks atau bahan bacaan yang digunakan, sebaliknya hanya tertumpu kepada usaha pendidik yang menggerakkan pembelajaran di dalam kelas (Muhammad Haron et al., 2013). Sehubungan dengan itu, ada kajian mendapati bahawa kebanyakan pensyarah melakukan teknik terjemahan secara berleluasa untuk mengajar subjek balaghah ini kerana untuk pelajar mudah faham dengan apa yang mereka pelajarinya didalam kelas (Rosni Samah et al., 2013).

Manakala menurut Kamarulaman (2012) penyediaan bahan bacaan atau bahan rujukan perlu membuat satu pendekatan yang berkualiti dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana buku rujukan adalah satu sumber utama pensyarah dan pelajar dan ia merupakan satu faktor yang memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penguasaan dan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya pelajar institusi pengajian tinggi (Aisyah Sjahrony & Maimun Aqsha Abdin Lubis, 2017).

Punca permasalahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Arab di Malaysia adalah penggunaan buku rujukan atau buku teks yang kurang sesuai. (Ishak, 1993). Menurut Anuar (2010), kebanyakan pelajar menghadapi kesukaran untuk menguasai ilmu balaghah dan Ia masih di tahap yang lemah. Hal ini kerana berpunca daripada kurikulum subjek Balaghah itu sendiri, pendekatan, strategik serta metode pengajarannya yang kurang efektif. Kesannya tidak tercapai hasil pembelajaran yang diharapkan.

Terdapat permasalahan yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajarnya dari segi masa dan ruang yang sangat terhad, oleh kerana, sukatan Balaghah yang merangkumi tiga ilmu pengetahuan yang perlu dihabiskan dengan hanya 14 kali pertemuan, pada setiap semester. Ditambah dengan rujukan yang ada terbatas dan penerapan kaedah-kaedah Balaghah yang sangat sulit untuk diterapkan yang mana memerlukan kosentrasi yang lebih daripada pihak pelajar. (Raja Hazirah Raja sulaiman et al., 2014)

Oleh itu, tujuan penyelidikan ini untuk mengenal pasti bahan-bahan rujukan yang sedia ada dan sering digunakan atau diaplikasikan di setiap institusi pengajian tinggi. Sehubungan dengan itu, kajian juga dapat mengetahui rujukan-rujukan yang

sesuai bagi pelajar untuk mempelajarinya agar dapat memahami dan mendalami ilmu Balaghah dengan baik. Jadi, bagi sesebuah buku perlu memenuhi empat ciri-ciri ini iaitu (i) kandungan menepati sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran, (ii) bahasa yang betul dan mudah, (iii) grafik yang sesuai dan menarik minat murid untuk menggunakan buku rujukan atau buku teks, serta (iv) aktiviti dan Latihan yang sesuai dengan aras murid. (Wan Mohammad, 1998) hal ini kerana sesebuah buku teks atau buku rujukan memainkan peranan amat penting bagi pihak berkenaan yang terlibat dalam menghasilkan sesebuah buku teks yang berkualiti tinggi dan tidak mempunyai kesalahan. (Anuar bin Sopian, 2017), tetapi menurut Ab Halim Mohamad (2013) terdapat beberapa ciri penting bagi sebuah buku teks bahasa Arab yang baik untuk pelajar-pelajar di peringkat IPT di Malaysia seperti ciri objektif, ciri bersepadu, ciri sesuai dengan keupayaan, keperluan dan kecekapan bahasa pelajar, ciri Latihan yang mencukupi, ciri kesesuaian contoh dan ciri konteks menerusi situasi bahasa sebenar.

Menurut Kamarulzaman Abdul Ghani & Hassan Basri Awang Mat Dahan (2010) menyatakan bahawa buku teks dalam pembelajaran bahasa Arab perlu memainkan peranan penting dalam mengembangkan penguasaan bahasa pelajar khususnya dalam pembendaharaan kata, kefahaman bacaan dan penulisan. Oleh itu, penghasilan buku rujukan dan silibus perlulah bersifat mesra pelajar, sesuai dengan tahap pelajar sama ada dari sudut kandungan dan laras bahasa, menarik minat dan mampu memberi motivasi kepada pelajar untuk mempelajarinya.

Terdapat prinsip yang asas dalam penyusunan buku teks adalah seperti prinsip tujuan, yang bermakna buku teks itu perlu disusun dengan mencapai tujuan susunannya. Kemudian, Prinsip relevan iaitu mesti ada hubungan dengan kehidupan seharian pelajar. Prinsip efisien yang bermaksud mesti dapat dilaksanakan samada oleh pelajar atau pengajar. Prinsip fleksibel dimana ia merangkumi keterbukaan dan kesesuaian dengan pelbagai tempat dan situasi. Prinsip integriti iaitu mesti boleh dikaitkan dengan kursus atau mata pelajaran yang lain. Seterusnya, Prinsip sambung dimana sesuatu buku perlu ada kesinambungan. Prinsip Objektif yang perlu berlandaskan kepada pemahaman terhadap masalah dalam bahasa secara ilmiah dengan sokongan disiplin ilmu lain seperti pedagogi dan psikologi. Akhir sekali, prinsip demokrasi yang mana mampu memberi peluang kepada pelajar untuk kapasiti berbahasa dan ilmu. (Mansoer Pateda, 1991)

Tambahan pula, Arif Kharkhy (1994) menjelaskan bahawa apa sahaja teknik yang terkini dan dianggap maju pengajaran bahasa Arab semuanya ada kaitan rapat dengan beberapa faktor yang lain seperti kurikulum bahasa Arab, buku teks yang digunakan, alat-alat bantu mengajar, bilangan pelajar, tahap pencapaian pelajar dalam penguasaan bahasa Arab dan kemampuan mereka, masa yang diperuntukkan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, kajian ini adalah untuk menganalisis kandungan atau silibus yang sedia ada di Institusi Pengajian Tinggi, kemudian penyelidikan ini mampu menjelaskan kelebihan dan kekurangannya dari sudut penyusunan dan penulisannya dengan menggunakan Analisa temantik.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk menentukan dan mengenal pasti buku rujukan Balaghah yang sesuai dan berkesan dalam meningkatkan minat pelajar dan mampu menguasai pelajaran Balaghah. Manakala objektifnya adalah: -

- 1) Untuk mengenal pasti bahan-bahan rujukan yang sedia ada dan telah diaplikasikan di setiap Institusi Pengajian Tinggi.
- 2) Untuk menganalisa isi kandungan dan silibus buku teks Balaghah yang sedia ada untuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan menggunakan instrument analisis temantik. Analisis temantik akan dijalankan pada buku rujukan yang digunakan oleh pesyarah dan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi antaranya al-Balaghah al-Wadhihah karangan Ali Jarim dan Mustafa Amin, fil Balaghah al-Arabiyyah al-Maani, al-Bayan, al-Badi' karangan Dr. Abdul Aziz 'Ateeq dan Kitab Balaghah terbitan Darul Syakir Enterprise Bandar Baru Bangi, Selangor. Penelitian kualitatif merupakan sebuah penelitian yang dimana ia melibatkan proses yang sangat kompleks kerana ia memiliki karakteristik sebuah penelitian yang bertujuan untuk mengeksplorasi dan menceritakan pengalaman seseorang yang terlibat dalam sebuah kejadian. (Heriyanto, 2018). Oleh itu, kajian ini akan menggunakan kaedah analisis temantik yang mana merupakan salah satu cara untuk menganalisa data dengan tujuan untuk mengidentifikasi pola atau untuk menemukan tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh peneliti (Braun & Clarke, 2006).

Terdapat beberapa tahapan dalam melakukan analisa data ini dengan menggunakan kaedah Analisa tematik antaranya adalah (i) memahami data dengan tujuan untuk mengupas secara mendalam apa yang terjadi sebuah peristiwa melalui perspektif masyarakat dan memahami isi data yang diperolehi. Kemudian, (ii) Menyusun kode yang mana boleh menggambarkan secara langsung apa yang ada dalam data tersebut. (Heriyanto, 2018) Akhir sekali, (iii) mencari tema yakni menggambarkan sesuatu yang penting yang mempunyai kaitan dengan dengan rumusan masalah penelitian. (Boyatzis, 1998) Oleh itu, kajian ini akan mengumpulkan semua maklumat dan dihipunkan bagi membentuk sesuatu tema dalam buku-buku rujukan seperti, isi kandungan, gaya bahasa, lafaz/ kalimah, bentuk penulisan, penulिसannya.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Isi Kandungan Buku Balaghah Di Ipt: Al-Balaghah Al-Wadhihah
Buku al-Balaghah al-Wadhihah yang disusun oleh 'Ali al-Jarimi dan Mustafa Amin, diterbitkan oleh Dar al-ma'arif di Mesir tahun 1957 M. Buku ini meliputi tiga aspek pembahasan ilmu Balaghah, iaitu: *'ilm al-Bayan*, *'ilm al-Ma'ani*, dan *'ilm al-Badi'*.

Pembahasan 'ilm al-Bayan mencakup al-Tasybih (Arkanuhu wa Aqsamuhu wa Aghradhuhu), al-Haqiqat wa al-Majaz dan jenis-jenis al-Majaz (al-Majaz al-Lughawiy, al-Majaz al-Mursal dan almajaz al-'Aqliy), al-Isti'arah dan jenis-jenisnya (al-Isti'arah al-Tashrihiyah wa al-Makniyah, al-Isti'arah al-Ashliyah wa al-Tabi'iyah, al-Isti'arah al-Murasyahah wa al-Mujarradah wa al-Muthlaqah). Pembahasan 'ilm al-Ma'ani mengandungi al-Kalam al-Khabariy, tujuan dan jenis-jenis bentuk al-Kalam al-Khabariy, al-Kalam al-Insyai al-Thalabiy wa Ghairu al-Thalabiy, jenis-jenis al-Kalam al-Insyai al-Thalabiy (al-Amr, al-Nahy, al-Istifham, al-Tamanniy, dan al-Nida'), al-Qashru, al-Fashlu wa al-Washlu, al-Ijaz wa al-Ithnab wa al-Musawah. Pembahasan ilm al-Badi' mencakupi al-Muhassinat al-Lafzhiyah (al-Jinas, al-Iqtibas, al-Saj'u) dan al-Muhassinat al-Ma'nawiyah (al-Tauriyah, al-Thibaq, al-Muqabalah, Husnu al-Ta'lil, Ta'kid al-Madhi, Uslub al-Hakim).

Setelah membuat penelitian buku al-Balaghah al-Wadhahah, didapati bahawa buku ini amat sesuai kepada pelajar di peringkat tinggi kerana contoh-contoh yang diberikan kebanyakannya daripada syair arab. Sehubungan dengan itu, bahasa atau penbendaharaan kata yang digunakan dalam buku ini adalah sederhana terutamanya kepada pelajar-pelajar bukan penutur asli. Pelajar akan dapat kemudahan dari segi memahami makna kosa kata yang susah yang diletakkan dibawah nota kaki bagi setiap muka surat. Selain itu, terdapat banyak soalan-soalan atau latihan-latihan yang mana memainkan peranan penting untuk menilai penguasaan dan kelemahan pelajar dalam sesuatu topik. Dalam masa yang sama pelajar mampu mengklasifikasikan kandungan yang mudah ataupun yang susah bagi mengukur tahap kefahaman pelajar dalam sesuatu pembahasan dalam Balaghah. Ia juga mampu membantu guru dalam menyelidik kemampuan pelajar dan persediaan dalam setiap pembelajaran sebelum berpindah ke tajuk yang baru. Tambahan pula, terdapat banyak latihan-latihan disediakan amatlah jelas kerana disertakan dalam bentuk jadual dan jawapan yang mana mampu membantu pelajar untuk memahami soalan tersebut.

Fil Balaghah Al-Arabiyyah, Ilm Al-Maani, Al-Bayan, Al-Badi'

Buku fil Balaghah al-Arabiyyah, ilm al-Maani, al-Bayan, al-Badi' yang disusun oleh Dr. Abd Al-Aziz Atiq diterbitkan oleh Dar al-Nahdah al-Arabiyyah, Beirut pada tahun 1998. Buku ini juga salah satu rujukan yang sering digunakan di setiap institusi pengajian tinggi. Buku ini juga meliputi tiga asper perbahasan yang utama iaitu *ilm al-Bayan*, *'ilm al-Ma'ani*, dan *'ilm al-Badi'*. Antara isi kandungannya adalah penulis menceritakan perbezaan *Balaghah* dan *Fasahah*, perkembangan Ilmu Maani, mengandungi *al-Kalam al-Khabariy*, tujuan dan jenis-jenis bentuk *al-Kalam al-Khabariy*, *al-Kalam al-Insyai al-Thalabiy wa Ghairu al-Thalabiy*, jenis-jenis *al-Kalam al-Insyai al-Thalabiy* (*al-Amr*, *al-Nahy*, *al-Istifham*, *al-Tamanniy*, dan *al-Nida'*), *Bab Jumlah* yang menerangkan tentang *al-Qashru*, *al-Fashlu wa al-Washlu*, *al-Ijaz wa al-Ithnab wa al-Musawah*, *Taqdim wa Takhir*. *'ilm Bayan* dimana penulis menceritakan perkembangan ilmu Bayan mencakupi *al-Tasybih* (*Arkanuhu wa Aqsamuhu wa Aghradhuhu*), *al-Haqiqat wa al-Majaz* dan jenis-jenis *al-Majaz* (*al-Majaz al-Lughawiy*, *al-Majaz al-Mursal* dan *almajaz al-'Aqliy*), *al-Isti'arah* dan jenis-jenisnya (*al-Isti'arah al-Tashrihiyah wa al-Makniyah*, *al-Isti'arah al-*

Ashliyah wa al-Tabi'iyah, al-Isti'arah al-Murasyahah wa al-Mujarradah wa al-Muthlaqah) dan *al-Kinayah*. Akhir sekali, perkembangan 'ilm Badi' yang terbahagi kepada dua iaitu *alMuhassinat al-Lafzhiyah (al-Jinas, alIqtibas, al-Saj'u)* dan *al-Muhassinat alMa'nawiyah (al-Tauriyah, al-Thibaq, alMuqabalah, Husnu al-Ta'lil, Ta'kid alMadhi, Uslub al-Hakim)*.

Terdapat pelbagai kelebihan dan kekurangan didalam buku ini dimana pendahuluan dan pengenalan telah menerangkan banyak isu dengan penerangan yang panjang dan ia kurang sesuai untuk mencapai tujuan silibus yang dikehendaki kepada pelajar dan mempunyai contoh-contoh yang diberikan tidak memenuhi kehendak yang utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran Balaghah, kerana lebih baik memberi pendekatan atau meletakkan contoh yang mudah difahami oleh pelajar-pelajar yang bukan penutur asli. Sehubungan dengan itu, buku ini mengandungi pelbagai contoh-contoh daripada syair yang mana boleh membawa kesukaran untuk menghafal dan memahami makna bait-bait syair dan kosa katanya. Tambahan pula, buku ini tidak mempunyai grafik yang menarik dalam penerangan atau penjelasan untuk menarik minat pelajar untuk membacanya. Bahasa yang digunakan di dalam buku ini adalah tahap sederhana yang boleh difahami oleh pelajar yang mahir manakala pelajar yang kurang mahir perlukan bantuan penerangan yang lebih terperinci.

Kitab Balaghah, Darul Syakir Enterprise

Buku Kitab Balaghah yang diterbitkan oleh Darul Syakir Enterprise, Bandar Baru Bangi, Selangor, pada tahun 2018 dan buku ini dikarang oleh Ustaz Dr. Abdul Wahid. Buku ini telah digunakan oleh Institusi Pengajian Tinggi di Kolej Universiti Islam Melaka. Buku ini juga membahagikan 4 bab iaitu:

Bab 1: Menerangkan tentang sejarah Balaghah dan ulama-ulama Balaghah yang Masyhur.

Bab 2: Ilmu Maani, *alKalam al-Khabariy*, tujuan dan jenis-jenis bentuk *al-Kalam al-Khabariy, alKalam al-Insyai al-Thalabiy wa Ghairu al-Thalabiy, jenis-jenis al-Kalam alInsyai al-Thalabiy (al-Amr, al-Nahy, alIstifham, al-Tamanniy, dan al-Nida')*, Bab Jumlah yang menerangkan tentang *alQashru, al-Fashlu wa al-Washlu, al-Ijaz wa al-Ithnab wa al-Musawah* dan tidak menyentuh bab *Taqdim wa Takhir*.

Bab 3: Ilmu Bayan, mencakupi *al-Tasybih (Arkanuhu wa Aqsamuhu wa Aghradhuhu), al-Haqiqat wa al-Majaz* dan jenis-jenis *al-Majaz (al-Majaz al-Lughawiy, al-Majaz al-Mursal dan almajaz al-'Aqliy)*, *al-Isti'arah* dan jenis-jenisnya (*al-Isti'arah al-Tashrihiyah wa al-Makniyah, al-Isti'arah al-Ashliyah wa al-Tabi'iyah, al-Isti'arah al-Murasyahah wa al-Mujarradah wa al-Muthlaqah*) dan *al-Kinayah*.

Bab 4: Ilmu Badi', yang terbahagi kepada dua iaitu *alMuhassinat al-Lafzhiyah (al-Jinas, alIqtibas, al-Saj'u)* dan *al-Muhassinat alMa'nawiyah (al-Tauriyah, al-Thibaq, alMuqabalah, Husnu al-Ta'lil, Ta'kid alMadhi, Uslub al-Hakim)*.

Setelah membuat penelitian Kitab Balaghah yang diterbitkan oleh Darul Syakir Enterprise, didapati bahawa buku ini mempunyai kekurangan seperti gaya bahasa yang digunakan adalah Sederhana yang mampu difahami oleh pelajar mahir, manakala perlukan bantuan penerangan untuk pelajar kurang mahir. Penggunaan lafaz yang sesuai dengan penerangan dan kalimah yang sederhana mudah difahami. Terdapat beberapa kalimah yang perlu menggunakan kamus untuk mengetahui maknanya. Kemudian, penulis buku ini menggunakan kaedah penulisan Iqtibas yang mana menulis rujukan nama, tahun dan muka surat di setiap akhir ayat. Pembahagian yang tersusun dan penerangan yang ringkas padat, sesuai dengan kelompok sasaran pelajar kerana bentuk ini mudah untuk pelajar meneliti sumber penulisan bagi setiap ayat dan contoh lebih banyak menggunakan ayat al-Quran di samping hadis dan syair agar memberi satu variasi kepada pelajar untuk memahami Balaghah dengan lebih mendalam.

Terdapat ciri-ciri buku rujukan yang perlu memenuhi standard serta kualiti agar menjadi sumber pembelajaran utama dalam kuliah oleh guru dan pelajar iaitu (wan Mohammad, 1998):

- i) Kandungan menepati sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran,
- ii) Bahasa yang betul dan mudah,
- iii) Grafik yang sesuai dan menarik minat murid untuk menggunakan buku rujukan atau buku teks,
- iv) Aktiviti dan Latihan yang sesuai dengan aras murid.

Oleh itu, penyelidik kajian akan mengklasifikasikan dan menganalisisnya berdasarkan jadual berikut:

Buku Rujukan	Kod	Deskripsi
al-Balaghah al-Wadhihah a) Bahasa atau penbendaharaan kata yang digunakan dalam buku ini adalah sederhana b) Kandungan dimulakan dengan ilmu Bayan, ilmu Maani, dan ilmu Badi' dimana susunan ini menggunakan cara sistematik agar pelajar mampu untuk memahami ilmu Balaghah tersebut. c) Mempunyai huraian yang jelas dan terdapatnya contoh-contoh yang agak sukar seperti syair Arab	a) Bahasa yang sederhana b) Susunan silibus yang berbeza c) Huraian yang jelas dan contoh yang susah d) Mempunyai latihan-latihan, dan jawapan	Berdasarkan pemerhatian bahawasanya buku ini mengikut ciri-ciri yang standard sebagai rujukan yang utama tetapi ada beberapa kekurangan dari segi bahasa dan susunan yang berbeza daripada buku-buku rujukan yang lain. Oleh itu, buku ini boleh menjadi rujukan pelajar bagi peringkat tinggi dan tidak sesuai untuk peringkat sederhana dan rendah. Hal ini kerana

<p>d) Terdapat banyak latihan-latihan disediakan amatlah jelas kerana disertakan dalam bentuk jadual dan jawapan yang mana mampu membantu pelajar untuk memahami soalan tersebut.</p>		<p>penghasilan buku rujukan dan silibus perlulah bersifat mesra pelajar, sesuai dengan tahap pelajar sama ada dari sudut kandungan dan laras bahasa, menarik minat dan mampu memberi motivasi kepada pelajar untuk mempelajarinya. (Kamarulzaman Abdul Ghani & Hassan Basri Awang Mat Dahan, 2010)</p>
<p>fil Balaghah al-Arabiyyah, ilm al-Maani, al-Bayan, al-Badi'</p> <p>a) Pendahuluan dan pengenalan telah menerangkan banyak isu dengan penerangan yang panjang dan ia kurang sesuai untuk mencapai tujuan silibus yang dikehendaki kepada pelajar</p> <p>b) Mempunyai contoh-contoh yang diberikan tidak memenuhi kehendak yang utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran Balaghah</p> <p>c) Mengandungi pelbagai contoh-contoh daripada syair yang mana boleh membawa kesukaran untuk menghafal dan memahami makna bait-bait syair dan kosa katanya</p> <p>d) Buku ini tidak mempunyai grafik yang menarik</p>	<p>a) Silibus yang menepati kehendak yang utama</p> <p>b) Contoh-contoh yang sukar dan huraian yang panjang</p> <p>c) Tidak mempunyai grafik</p> <p>d) Bahasa tahap sederhana</p> <p>e) Tidak mempunyai latihan</p>	<p>Berdasarkan pemerhatian buku ini agak sukar untuk menjadi sebagai rujukan kerana ia tidak sesuai kepada pelajar bagi peringkat rendah dan sederhana. Tambahan pula, buku ini kurang menarik untuk menjadikannya sebagai rujukan pelajar kerana tidak mempunyai grafik agar menarik perhatian pelajar untuk membacanya. Sehubungan dengan itu, setiap perlukan dilengkapi dengan ciri-ciri yang menarik seperti isi kandungan yang tersusun, contoh yang mudah untuk diahami dan huraian yang jelas. Hal ini kerana setiap buku rujukan perlu ada beberapa ciri penting terutama kepada pelajar</p>

<p>e) Bahasa yang digunakan di dalam buku ini adalah tahap sederhana yang boleh difahami oleh pelajar</p>		<p>IPT antaranya ciri objektif, ciri bersepadu, ciri sesuai dengan keupayaan, keperluan dan kecekapan bahasa pelajar, ciri Latihan yang mencukupi, ciri kesesuaian contoh dan ciri konteks menerusi situasi bahasa sebenar. (Ab Halim Mohamad, 2013)</p>
<p>Kitab Balaghah, Darul Syakir Enterprise</p> <p>a) Gaya bahasa yang digunakan adalah Sederhana yang mampu difahami oleh pelajar mahir, manakala perlukan bantuan penerangan untuk pelajar kurang mahir. Penggunaan lafaz yang sesuai dengan penerangan dan kalimah yang sederhana mudah difahami.</p> <p>b) kaedah penulisan Iqtibas yang mana menulis rujukan nama, tahun dan muka surat di setiap akhir ayat. Pembahagian yang tersusun dan penerangan yang ringkas padat, sesuai dengan kelompok sasaran pelajar</p> <p>c) beberapa tajuk didalam buku ini mempunyai huraian yang kurang jelas dan tidak lengkap.</p> <p>d) contoh lebih banyak menggunakan ayat al-Quran di samping hadis</p>	<p>a) Gaya bahasa yang sederhana</p> <p>b) Pembahagian bab yang tersusun</p> <p>c) Huraian yang kurang jelas dan tidak lengkap</p> <p>d) Contoh-contoh yang disediakan daripada Al-Quran, Hadis dan syair Arab</p> <p>e) Tidak mempunyai latihan</p>	<p>Setelah membuat penelitian Kitab Balaghah ini mempunyai beberapa kekurangan dari segi bahasa dan latihan yang tidak disediakan, walaupun pembahagian bab yang tersusun. Latihan merupakan salah satu elemen yang amat penting agar pelajar mengaplikasikannya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana kebanyakan pembelajaran mereka tertumpu pada hafalan contoh-contoh dan kaedah-kaedahnya semata-mata tanpa memberi penekanan terhadap unsur aplikasinya. Sehubungan dengan itu, pelajar masih belum dapat memahami teks bahasa Arab atau contoh lain daripada apa yang pernah dipelajari.</p>

<p>dan syair agar memberi satu variasi kepada pelajar untuk memahami Balaghah dengan lebih mendalam.</p> <p>e) Tidak mempunyai latihan untuk menilai kefahaman pelajar terhadap sesuatu bab.</p>		<p>(Rosni Samah, 2006). Jadi, untuk menjadikan buku rujukan yang dapat memenuhi standard serta kualiti agar menjadi sumber pembelajaran utama antaranya adalah aktiviti dan latihan perlu disediakan mengikut aras pelajar.</p>
--	--	---

RUMUSAN

Kajian ini merupakan satu penyelidikan ilmiah yang amat penting untuk mengkaji buku rujukan dan silibus yang digunakan di IPTA/IPTS bersesuaian dengan aras pelajar IPT. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti bahan-bahan rujukan yang sedia ada dan telah diaplikasikan di setiap Institusi Pengajian Tinggi. Kemudian, untuk menganalisa isi kandungan dan silibus buku teks Balaghah yang sedia ada untuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi dengan menggunakan Kaedah Analisis Tematik. Dalam konteks kajian ini, kita lihat bahawa penyusunan silibus dan penggunaan buku rujukan memainkan peranan amat penting untuk pelajar mempelajarinya dan bergantung kepadanya. Berdasarkan kajian ini didapati silibus dan buku rujukan yang digunakan di Institusi Pengajian Tinggi kurang bersesuaian dan kurang selaras. Kerana jika boleh para sarjana atau pakar perlu menyelaraskan silibus Balaghah mengikut aras abad ke-21 agar ia mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari ilmu Balaghah lebih mendalam. Antara faktor yang dikaitkan dengan isu kelemahan penguasaan pelajar terhadap subjek Balaghah adalah aras dan laras bahasa didalam bidang sastera kurang memuaskan. Oleh itu, dalam menilai sesuatu silibus itu berkesan perlu mengambil kira kerana ia amat memberi kesan kepada pelajar. Jadi, ia amat penting untuk melihat isi kandungan sesuatu buku rujukan dan menilai kesesuaian buku terhadap aras pemikiran atau tahap kebolehan bacaan mereka terhadap buku rujukan yang sering digunakan didalam Institusi Pengajian Tinggi. Kesimpulannya, pihak yang berkenaan perlu mengambil perhatian dan ambil berat tentang penyediaan silibus yang berkesan kepada semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi dan diharapkan mampu untuk menyelaraskan silibus pembelajaran Balaghah di setiap Institusi Pengajian Tinggi agar dapat meningkatkan tahap pencapaian dan penguasaan pelajar dalam subjek Balaghah ke tahap yang lebih baik.

RUJUKAN

- Ab Halim Mohamad. (2003). *Buku Teks Bahasa Arab di Malaysia: Antara Teori Pengajaran dan Realiti*, dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3. 2003. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Aisyah Sjahrony & Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis. (2017). *Kebolehbacaan Buku Teks Maharat Al-Qira'ah Berasaskan Ujian Kloz dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia*. Ulum Islamiyyah. Universiti Sains Islam Malaysia
- Al Rikabi, Jawdat. (1996). *Turuq Tadris al-Lughah al- Arabiyyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Anuar bin Sopian. (2017). *Analisis Isi kandungan Buku Teks Bahasa Arab "al-Munir al-Lughah al-Arabiyyah al-Ittisoliiyyah"* TAC151 UITM Malaysia, *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*. Vol. 1. No. 1.
- Arif Kharkhy Khudhairy. (1994). *Ta'lim al-lughat al-'Arabiyyah li ghair al-'Arab Dirasat fi al Manhaj wa Turuq al-Tadris*. Kaherah: Dar Al-Saqafah lil al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Azhar bin Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi. (2006). *Pembelajaran Balaghah Arab di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia: Satu Kajian Kes*. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Azhar bin Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah Bushrah Binti Basiron Kamarul Azmi bin Jasmi Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor. (2006). *Penguasaaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti teknologi Malaysia.
- Boyatzis, R.E. (1998). *Transforming qualitative information: Thematic analysis and code development*. Thousand Oaks: Sage.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using Thematic Analysis in Psychology*. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), p.77-101. Retrieved from <<http://eprints.uwe.ac.uk/11735/2/thematic_analysis_revised_-_final.pdf>>
- Heriyanto. (2018). *Thematic Analysis Sebagai Metode Menganalisa Data untuk Penelitian Kualitatif*. *Journal ANUVA*. Vol. 2. No. 3.
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2010). *Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Dr. Falsafah Pendidikan, Fakulti Pendidikan University Malaya.
- Kamarulzaman Abdul Ghani & Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2010). *An Assessment of Readability of aBook From Technical Presentation: An Investigation On Form Four Arabic Textbook In Malaysia (Arabic Version)*. *Jurnal Of Reading and Knowledge*. Ain Sham University, Egypt.
- Mansoer Pateda. (1991). *Linguistik Terapan*. Jakarta: Penerbit Nusa Indah.
- Marohani Yusoff. (1999). *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. (2006). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Zulkhairi Abd Hamid. (2012). *Reka Bentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah*. Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.

- Muhammad Haron, Muhd syukri, Ahmad redzaudin & Norhidayati Abdullah. (2014). *Tahap kebolehbacaan buku al-Mursyid Fi al-Lughah al-Arabiah (1)*. International Journal of Islamic studies and Arabic Language Education. Volume 1(1): 11-16
- Muhammad Saiful Anuar Yusoff & Wan Nazihah Wan Mohamed. (2020). *Motivation in Reading Arabic Literature Books Among Student of Kelantan Religious Schools*. Global Journal Al-Thaqafah, Universiti Sultan Azlan Shah. GJAT. Julai 2020. Vol. 10 Issue 1/15.
- Nik Mohd Rahimi, Zahriah Hussin & Wan Normeza. (2014). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pada Kalangan Pelajar Cemerlang*. Jurnal Teknologi (Social Sciences) 67:1 (2014), 33–38.
- Rakhmat, Jalaluddin. (2001). *Psikologi Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman, Kamariah Yunus, Muzammir Anas, Nurazan Mohamad Rouyan, Shuhaida Hanim, Mohamad Suhane. (2014). *Keberkesanan Metode Perbandingan Retorika Melayu dan Arab Untuk Meningkatkan Minat Pelajar dalam Pembelajaran Balaghah*, Prosiding seminar pengajaran & pembelajaran Arab, UKM.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman, (2012). *Penguasaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT)*, Jabatan Bahasa Dan Lingusitik, Universiti Malaya.
- Rini Dwi Susanti. (2014). *Strategi Pengajaran Membaca Pada Mata Pelajaran Bahasa Arab di Madrasah Ibtidaiyah*. Elementary Journal. Vol. 2. No. 2, Juli-Disember 2014
- Rosni Bin Samah, Muhammad Marwan bin Ismail. (2009). *Penguasaan Al-Balaghah Dan Permasalahannya Di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (kajian di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor)*, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Shuhaida Hanim Mohamad Suhane, Muzammir Anas, Raja Hazirah Raja sulaiman, Nurazam Mohd Rouyan. (2014). *Kepentingan Memperkenalkan Model Strategi Pengajaran Balaghah Peringkat IPT di Malaysia*. Prosiding seminar pengajaran & pembelajaran Arab, UKM.
- Wan Mohamad Wan Muda. (1998). *Seminar Penulisan dan Penilaian Buku-Buku Teks*. Kuala Lumpur: Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yuslina Mohamed, Zainal Abidin. H, Kauthar A.K. (2013). *Quranic miracles in the book of "Syafiah" written by Abdul Qaher Jurjaani*. Global Journal At Thaqafah, 3(2), 125-132. www.gjat.my.